

**Tiga hala tuju perlu dilaksana penjawat awam – PM**  
**Utusan Online**  
**07 Januari, 2013**

PUTRAJAYA 7 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan tiga hala tuju yang perlu dilaksanakan penjawat awam pada 2013 bagi memastikan negara terus cemerlang.

Hala tuju tersebut ialah mengekalkan perpaduan nasional dan jati diri berpaksikan gagasan 1Malaysia dalam diri setiap rakyat, memastikan ketetapan yang dibuat dalam Bajet 2013 dilaksanakan dan meneruskan agenda transformasi negara yang terbukti berkesan untuk pertumbuhan ekonomi negara. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130107/dn\\_20/Tiga-hala-tuju-perlu-dilaksana-penjawat-awam---PM](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130107/dn_20/Tiga-hala-tuju-perlu-dilaksana-penjawat-awam---PM)